

16 NOV 1998

APEC-BERITA-THAILAND

DR M, CHUAN LEKPAI BINCANG KAWALAN MATAWANG

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Kawalan matawang selektif Malaysia adalah di antara topik yang dibincangkan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Chuan Lekpai, pada pertemuan dua hala mereka di sini hari ini.

Menteri Luar Thailand Surin Pitsuwan memberitahu pemberita bahawa kedua-dua pemimpin itu juga berbincang mengenai kesan kawalan itu terhadap Selatan Thailand.

Surin juga berkata Dr Mahathir berjanji bahawa beliau akan mengkaji permintaan Thailand supaya kawalan itu dilonggarkan.

-- BERNAMA

ES SHY WAT